

20 MAY 1996

Malaysia - Perjanjian

SYARIKAT MALAYSIA DAN AMERIKA METERAI TIGA PERJANJIAN

Oleh: Salmy Hashim

SAN FRANCISCO, 20 Mei (Bernama) -- Syarikat dari Malaysia dan California bersetuju untuk mengadakan projek usahasama yang memungkinkan pemindahan teknologi canggih kepada syarikat Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman antara syarikat-syarikat dari Malaysia dan Amerika berhubung dengan perkara itu.

Dr Mahathir berada di sini untuk menghadiri persidangan perniagaan mengenai Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia-Amerika.

Sapura Holdings dan Chaparral Communications Inc. yang berpusat di San Jose menandatangani perjanjian untuk merekacipta, mengeluarkan dan mengedar produk dan perkhidmatan komunikasi satelit bagi menyokong program komunikasi yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.

Sapura Holdings juga bercadang untuk mengeluarkan pakej Alat Penerima Televisyen (TVRO) mengandungi antena parabola dan penerima melalui perjanjian pemindahan teknologi dengan Chaparral bagi pasaran eksport.

Sementara itu, Remedi Pharmaceuticals(M) Sdn Bhd, Apex Pharmacy Holdings Sdn Bhd pula menandatangani memorandum dengan Owen healthcare Inc. untuk menubuhkan Pharmacy Automated Systems International (PASI) Sdn Bhd.

Renong Berhad juga menandatangani perjanjian dengan Specialty Laboratories Asia Pte ltd. untuk mendirikan klinik, klinik makmal dan mengeluarkan peralatan diagnostik. -- BERNAMA

SAL FAZ